



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (25)
Tarikh : 10 September 2020

SIARAN MEDIA

KPKT & KKMM BERGABUNG BANTU PENGGIAT SENI MILIKI KEDIAMAN MAMPU MILIK

Petaling Jaya, 10 September 2020 – YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan bersama YB Dato' Saifuddin bin Abdullah, Menteri Komunikasi dan Multimedia Malaysia hari ini telah berbesar hari menyerahkan surat tawaran kepada penggiat seni di PPR Lembah Subang 2, Selangor melalui inisiatif Perumahan Komuniti Seni Prihatin.

Bagi merealisasikan inisiatif ini, KPKT telah bersetuju untuk menawarkan sebanyak 25 unit rumah PPR kepada penggiat seni yang layak dan pertimbangan permohonan mereka telah melalui proses semakan silang bersama beberapa agensi Kerajaan yang lain. Daripada 25 tawaran tersebut, seramai 19 akan ditawarkan PPR Sri Aman, Kuala Lumpur manakala enam (6) lagi akan ditawarkan PPR Lembah Subang 2, Selangor.

Inisiatif Perumahan Komuniti Seni Prihatin merupakan inisiatif Kerajaan melalui kerjasama Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS), agensi di bawah Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) dan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) untuk membantu penggiat seni memiliki kediaman mampu milik. Selain menawarkan rumah mampu milik kepada penggiat seni, inisiatif ini juga dilaksanakan dengan hasrat untuk mencapai perkara-perkara berikut:-

- Mewujudkan pelan pembangunan komuniti filem di lokasi-lokasi perumahan terpilih;
- Menganjurkan program-program pembangunan modal insan yang merangkumi bengkel perfileman secara percuma di lokasi-lokasi perumahan terpilih; dan
- Menganjurkan program mempromosikan filem tempatan melalui konsep wayang pacak dan apresiasi sinema di lokasi-lokasi perumahan terpilih.

PPR Sri Aman, Kuala Lumpur terdiri daripada 1,600 unit rumah keseluruhannya dan ia dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti tempat letak kereta bertingkat, dewan orang ramai dan kemudahan rekreasi. PPR ini telah diserahkan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 2 Mac 2017 bagi pengurusan dan pengisian dengan 1,190 unit dikategorikan sebagai unit jual dan bakinya (410 unit) dijadikan sebagai unit sewaan. Bagi PPR Lembah Subang 2 pula, ia terdiri daripada 1,580 unit rumah di bawah pengurusan Jabatan Perumahan Negara (JPN) bermula pada tahun 2013.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin selaku Menteri terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*